

**Semangat politik Ku Li untuk orang Melayu  
Utusan Online  
Ogos 02, 2011**

KUALA LUMPUR 1 Ogos - Pihak pembangkang tidak boleh menyamakan pendirian Ahli Parlimen Gua Musang, Tengku Razaleigh Hamzah ketika menubuhkan dan menerajui Parti Melayu Semangat 46 dengan pendiriannya pada ketika ini.

Ahli Parlimen Bayan Baru, Datuk Seri Zahrain Mohamed Hashim berkata, Tengku Razaleigh menubuhkan parti serpihan UMNO itu dahulu kerana beliau tidak sependapat dengan bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad yang ketika itu merupakan Presiden UMNO.

Menurutnya, walaupun menubuhkan parti lain kerana tidak sependapat dengan Presiden UMNO ketika itu, Tengku Razaleigh masih mempunyai semangat juang kemelayuan yang tinggi dan bukan seperti pemimpin pembangkang yang ada sekarang.

"Memang Ku Li pernah bersekongkol dan menjalin pakatan dengan Pas, tetapi kita perlu ingat Semangat 46 tidak sekali pun membuat pakatan dengan DAP kerana parti itu mengamalkan cauvinisme.

"Tetapi hari ini, pihak pembangkang demi agenda peribadi sanggup bersifat hipokrit. Saya percaya Ku Li masih ada semangat kemelayuan dan yakin beliau akan berfikir secara waras dan tidak akan melibatkan diri dengan generasi pembangkang masa kini," katanya ketika dihubungi *Utusan Malaysia* di ini hari ini.

Kelmarin Timbalan Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin percaya Tengku Razaleigh mempunyai kebijaksanaan untuk membuat keputusan berhubung pelawaan pembangkang bagi menggantikan Datuk Seri Anwar Ibrahim menerajui pakatan tersebut.

Zahrain berharap Tengku Razaleigh akan memaklumkan reaksinya mengenai pelawaan itu kerana tidak dinafikan ramai yang ingin tahu pendirian beliau.

"Kita tengok Ku Li sekarang mendiamkan diri bermakna memang betul dia telah dipelawa, malah maklumat yang saya dapat itu juga betul, cuma kita tidak tahu pendirian dia, apa pilihannya setakat ini," ujarnya.

Sementara itu bekas Naib Ketua Angkatan Muda Keadilan (AMK), Mohd. Zahid Md. Arip turut memperakui kebijaksanaan Tengku Razaleigh dan yakin bahawa Ketua UMNO Bahagian Gua Musang itu tidak sesekali membenarkan dirinya diperalatkan oleh pihak pembangkang.

Menurut beliau, pakatan pembangkang amat ketandusan pemimpin terutama setelah mereka hilang kepercayaan terhadap Anwar.

"Ku Li seorang pemimpin veteran dan beliau amat mengenali pembangkang sejak dahulu lagi. Ku Li masih waras dan beliau tahu untuk membezakan sikap pembangkang dahulu dan kini.

"Beliau tahu pembangkang sekarang terdesak malah beliau juga tahu bahawa pembangkang sudah tidak sepakat lagi. Pakatan pembangkang hanya bermimpi di siang hari untuk mendapatkan Ku Li," ujarnya

Hakcipta Terpelihara © UTUSAN MELAYU (M) BERHAD

Source:

[http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2011&dt=0802&pub=utusan\\_malaysia&sec=Politik&pg=po\\_05.htm&arc=hive](http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2011&dt=0802&pub=utusan_malaysia&sec=Politik&pg=po_05.htm&arc=hive)